


1. Jumlah Tenaga Elektrik (*nett*) yang dijana oleh TNB & IPP bagi Suku Tahun Pertama (Q1) 2012

Loji Penjanaan	GWh
TNB	6,688.74
IPP	19,519.48


Graf menunjukkan bagi suku tahun pertama, secara keseluruhan IPP menyumbang 74% daripada jumlah tenaga elektrik yang dijana untuk Semenanjung Malaysia. Secara dasarnya, faktor ini disebabkan oleh Loji Penjanaan Arang Batu dan kebanyakan Loji Penjanaan Kitar Padu yang bertindak sebagai *base load* dimiliki oleh IPP. Kedua-dua loji penjanaan ini menyumbang 93% daripada jumlah tenaga elektrik yang dijana pada suku tahun pertama 2012.



2. Kecekapan Thermal bagi Loji-Loji Penjanaan TNB & IPP bagi Suku Tahun Pertama (Q1) 2012

Loji Penjanaan	TNB	IPP
Loji Penjanaan Kitar Padu	43.41	44.16
Loji Penjanaan Kitar Terbuka	25.94	25.80
Loji Penjanaan Arang Batu - IPP sahaja	-	35.53
Loji Penjanaan Konvensional (Minyak/Gas)	-	31.11


Graf menunjukkan kecekapan thermal bagi setiap jenis loji penjanaan berdasarkan *Higher Heating Value (HHV)*. Bagi suku tahun pertama 2012, kecekapan thermal bagi setiap loji penjanaan sama ada IPP ataupun TNB berada pada paras yang amat memuaskan. Secara prinsipnya, Loji Penjanaan Kitar Padu mempunyai kecekapan thermal yang paling tinggi berdasarkan sistem operasinya yang lebih cekap. Bagi suku tahun pertama, Loji Penjanaan Konvensional milik TNB tidak beroperasi.



3. Purata Faktor Kesediaan Setara Loji (EAF) bagi Loji-Loji Penjanaan TNB & IPP bagi Suku Tahun Pertama (Q1) 2012

Loji Penjanaan	TNB	IPP
Loji Penjanaan Kitar Padu	93.18	88.51
Loji Penjanaan Kitar Terbuka	95.46	98.46
Loji Penjanaan Arang Batu - IPP sahaja	-	85.75
Loji Penjanaan Konvensional (Minyak/Gas)	100.00	90.73
Loji Penjanaan Hidro - TNB sahaja	95.95	-
Purata EAF	93.51	


Graf menunjukkan Faktor Kesediaan Setara Loji (EAF) bagi suku tahun pertama 2012. Secara keseluruhannya, purata EAF bagi suku tahun pertama menunjukkan prestasi yang amat baik iaitu 93.51%. Beberapa insiden henti tugas terancang dan henti tugas tidak terancang berlaku dan memberi impak kepada EAF.



4. Purata Faktor Henti Tugas Terancang (EPOF) bagi Loji-Loji Penjanaan TNB & IPP bagi Suku Tahun Pertama (Q1) 2012

Loji Penjanaan	TNB	IPP
Loji Penjanaan Kitar Padu	3.83	7.14
Loji Penjanaan Kitar Terbuka	5.30	0.46
Loji Penjanaan Arang Batu - IPP sahaja	-	8.49
Loji Penjanaan Konvensional (Minyak/Gas)	-	6.90
Loji Penjanaan Hidro - TNB sahaja	3.75	-
Purata EPOF		5.12

Secara keseluruhannya, Purata Faktor Henti Tugas Terancang (EPOF) bagi suku tahun pertama 2012 berada pada tahap 5.12%. Bagi suku tahun pertama 2012, terdapat aktiviti *Major Overhaul* di Stesen Janakuasa Kapar (GF3), *minor inspection* di Stesen Janakuasa GB3 serta pembaharuan siji CF bagi HRSBG di Stesen Janakuasa Prai.



5. Purata Faktor Henti Tugas Tidak Terancang (EUOF) bagi Loji-Loji Penjanaan TNB & IPP bagi Suku Tahun Pertama (Q1) 2012

Loji Penjanaan	TNB	IPP
Loji Penjanaan Kitar Padu	2.99	4.17
Loji Penjanaan Kitar Terbuka	0.13	1.08
Loji Penjanaan Arang Batu - IPP sahaja	-	5.71
Loji Penjanaan Konvensional (Minyak/Gas)	-	2.37
Loji Penjanaan Hidro - TNB sahaja	0.31	-
Purata EUOF		2.39

Secara keseluruhannya, kadar Purata Faktor Henti Tugas Tidak Terancang (EUOF) untuk setiap loji penjaan tidak melebihi sasaran PPA kecuali bagi Loji Penjanaan Kitar Padu yang mencatatkan EUOF sebanyak 4.17%. Ini berikutan beberapa siri pelantikan berlaku di salah sebuah Stesen Janakuasa yang disebabkan oleh *HP main stop Valve Hydraulic Oil Leak*, *LP admission Control Valve Leak*, *LP admission Control Valve Leak*, *Compressor Bleed Valve Position Trouble*.

